

Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Kanan Dari The Royal Audit Authority (RAA) of Bhutan

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari *The Royal Audit Authority of Bhutan* 12 hingga 14 September 2011. Delegasi ini diketuai oleh En. Jamtsho, Timbalan Ketua Audit Negara RAA Bhutan dan 4 pegawai kanan iaitu En. Gattu Dukpa, Mr. Dorjee Tenzin, En. Karma Tenzin dan En. Pem Gyaltshen.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari kaedah dan teknik pengauditan pengurusan kewangan Indeks Akauntabiliti (FMAI) serta bertukar maklumat dan pandangan tentang pelaksanaan aktiviti pengauditan FMAI yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dan RAA Bhutan. Antara tajuk taklimat yang disampaikan oleh penceramah daripada pegawai-pegawai kanan JAN ialah Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Terimaan dan Bayaran, Pengurusan Aset dan Inventori, Analisis Penyata Kewangan serta sistem e-Aras. Selain itu, lawatan ini juga mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara JAN dan Institusi Audit RAA Bhutan.

Delegasi ini telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara di pejabat beliau pada 12 September 2011. Beberapa program telah diatur sempena lawatan delegasi ini. Antaranya ialah jamuan makan tengah hari bersama Timbalan Ketua Audit Negara, Dato' Mustafa Bin Hj. Saman serta pegawai kanan Audit serta lawatan di sekitar Putrajaya. Delegasi tersebut juga telah dibawa melawat ke Akademi Audit Negara (AAN) untuk mendapat pendedahan berkenaan kursus-kursus serta kemudahan latihan yang disediakan.

**Gambar Semasa Lawatan Sambil Belajar
Delegasi Dari RAA Bhutan ke Jabatan Audit Negara**

